



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

29 Syawal 1441 / 21 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad, 29 Syawal 1441H bersamaan 21 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, pada masa ini semua kontek kes yang telah menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 telahpun menamatkan tempoh kurantin di mana jumlah keseluruhannya ialah seramai **2,823 orang.**

3. Manakala, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **217 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **26,468 ujian**.

4. Berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini seramai **395,164 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. **Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 10,123** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah **5,538** telah dimuat turun oleh **4,141 premis perniagaan**.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 29 Syawal 1441H / 21 Jun 2020